
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

BST 301/3 - Pengurusan Persekutaran

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Dengan menggunakan carta alir yang lengkap, huraikan tatacara melakukan EIA seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
(20 markah)

2. Aktiviti Terjadual (Prescribed Activities) dalam Perintah EIA (1987) telah mengenalpasti 19 aktiviti pembangunan yang memerlukan kajian EIA dilakukan sebelum perlaksanaan projek. Jawab soalan-soalan berikut:
 - (a) Adakah senarai berkenaan merangkumi segala aktiviti ekonomik manusia?
(4 markah)
 - (b) Berikan kelemahan-kelemahan yang wujud pada senarai 19 aktiviti tersebut.
(8 markah)
 - (c) Berikan kekuatan-kekuatannya daripada sudut pengurusan alam sekitar.
(8 markah)

3. Kejituuan dan ketetapan membuat ramalan impak persekitaran adalah dua isu yang amat ketara dalam mana-mana kajian EIA. Huraikan:
 - (a) Masalah-masalah yang berkaitan.
(10 markah)
 - (b) Langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya.
(10 markah)

4. Beberapa buah negara telah mengamalkan sistem cas alam sekitar. Perancis umpamanya mempraktikkan cas terhadap pencemaran udara. Kini, cukai karbon bahan api fosil hangat diperbincangkan pada peringkat antarabangsa sebagai langkah mengawal pembebasan karbon dioksida. Bincangkan kesesuaian sistem pencukaian alam sekitar dilaksanakan dalam kontek Malaysia.

(20 markah)

5. Kaedah matriks telah lama digunakan dalam kajian EIA. Bincangkan kebaikan menggunakan kaedah ini.

(20 markah)

6. Tuliskan nota-nota pendek mengenai tajuk-tajuk berikut:

(a) Kajian garis dasar

(10 markah)

(b) Langkah mitigasi

(10 markah)